



Sekitar Mesyuarat Pertama Kelab Golf dan rekreasi UUM di Hotel EDC-UUM petang kelmarin.

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) akan memasyarakatkan sukan golf kepada penduduk di negeri ini terutama yang tinggal berhampiran kampus Sintok ini.

Presiden Kelab Golf dan Rekreasi UUM Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, UUM mempelawa kakitangan kerajaan, swasta, badan berkanun, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan masyarakat sekitar untuk menyertai sukan golf ini.

"Saya rasa sudah sampai masanya UUM yang diwujudkan di kawasan berhampiran sempadan Thailand dan langkah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadikan universiti ini sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Golf IPT di negara ini merencanakan aktiviti di semua peringkat," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Pertama Kelab Golf dan rekreasi UUM di Hotel EDC-UUM petang kelmarin.

Dalam perkembangan yang sama, beliau berharap sukan golf ini perlu diperkembangkan kepada guru dan pelajar memandangkan Kementerian Pelajaran juga telah melaksanakan dasar satu murid bergiat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan sebagai salah satu komponen program transformasi pendidikan bermula tahun ini.

Langkah ini adalah merupakan sokongan yang padu daripada UUM untuk menyokong hasrat Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran untuk mengembalikan kegemilangan sukan ke peringkat sekolah.

Sehubungan dengan itu Kelab Golf UUM bersedia untuk mengadakan klinik, latihan dan menganjurkan pertandingan baik di peringkat daerah, negeri, kebangsaan maupun antarabangsa.

Selain daripada kalangan pelajar dan pendidik pihaknya juga mengalu-alukan kakitangan kerajaan, badan berkanun, IPT, IKBN, usahawan malah penduduk yang berminat untuk menceburi sukan jenis ini.

"Kita mahu kewujudan UUM ini turut dirasai bukan sahaja sebagai institusi yang melahirkan graduan dalam bidang Pengurusan malah menjadi tempat untuk beriadah dan bersukan," ujar beliau ketika ditemui.

Dalam perkembangan yang sama beliau juga berharap sukan lain seperti equin, go-kart dan pelbagai kemudahan yang terdapat di UUM ini turut dimanfaatkan oleh masyarakat.

Prof. Dato' Dr Mohamed Mustafa yang mempengerusikan Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pengurusan Kelab Golf dan rekreasi UUM 2011 turut menyampaikan watak pelantikan kepada jawatankuasa di majlis itu.

Kelab Golf UUM yang mempunyai kemudahan lapangan golf sembilan lubang dan driving range ini mempunyai ahli berdaftar seramai 280 orang.

Mereka yang berminat untuk menyertainya boleh menghubungi talian 04-9285928 untuk keterangan lanjut.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my